

4 MAR 1996

SMIDEC BERKUATKUASA PADA 1 MEI, 1996

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dijangka berkuatkuasa pada 1 Mei, 1996 untuk membantu syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) menjadi lebih kompetitif serta berupaya memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi negara.

"Penubuhan SMIDEC merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mendorong pembangunan IKS yang teratur dan sempurna," Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pada majlis penyerahan peruntukan tambahan IKS kepada tiga agensi pelaksana di sini hari ini.

Katanya, strategi tersebut adalah selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Negara yang sedang dalam kajian semula dan juga strategi pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

SMIDEC akan menyelaraskan segala urusan pembangunan IKS serta rancangan sokongan kepada IKS bagi memastikan peruntukan tidak bertindih dan merugikan serta memenuhi sasarannya.

Penubuhan SMIDEC juga akan membolehkan kerajaan memberi penekanan yang lebih tertumpu kepada IKS selain meluaskan rangkaian kerja IKS dengan industri-industri yang lebih besar, tambahnya.

Rafidah berkata kini terdapat lebih 14,000 syarikat IKS dalam kategori boleh dibantu dan jika 10 peratus daripadanya dapat dibantu untuk berorientasikan eksport, ianya dikira satu kejayaan.

Dalam perkembangan lain, Rafidah berkata bahawa MITI sedang menyiapkan kertas kerja mengenai projek laluan kereta api dari Singapura ke Eropah melalui China, untuk dikemukakan kepada Kabinet pada bulan ini.

"Jika diterima oleh Kabinet, maka satu mesyuarat peringkat menteri akan diadakan di Kuala Lumpur dan kertas kerja ini seterusnya akan menjadi asas perbincangan di mesyuarat tidak rasmi ketua-ketua negara Asean di Jakarta hujung tahun ini," kata beliau.

Malaysia telah menyatakan komitmen terhadap projek ini setelah dilantik sebagai penyelaras projek laluan kereta api elektrik ini di Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata bahawa Malaysia akan mengadakan kajian mengenai laluan serta sistem yang terbaik bagi projek tersebut.

Laluan kereta api dari Singapura ke Kunming, di China melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Ho Chi Minh dan Hanoi, akan disambungkan ke Beijing dan seterusnya dihubungkan ke trek keretapi rentas-Eropah.

"Asas projek kereta api ini menjadi prioriti dan kami telah mendapat gambaran secara permulaan di mana laluan itu harus lalu, apa halangan atau 'constraint' dari segi kawasan dan keselamatan," kata Rafidah.

Selain daripada itu, katanya, maklum balas terperinci penglibatan agensi lain di Lembangan Mekong seperti Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia harus didapati, sama ada projek ini boleh dibiayai dan lawatan-lawatan juga harus dibuat untuk meneliti kawasan tersebut.

Implikasi daripada projek ini, kata Rafidah, melibatkan pembangunan prasarana seperti jalan, telekomunikasi dan tenaga, dan bantuan sumber manusia di Lembangan Mekong. -- BERNAMA

SHO SIA